

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

PJB 112 - Zoologi Invertebrata

Tarikh: 13 April 1988

Masa: 2.15 ptg. - 5.15 ptg.
(3 jam)

Arahan Kepada Calon:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA halaman yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab mana-mana LIMA soalan. Setiap soalan bernilai 20 markah.

Setiap jawapan mesti dijawab di dalam buku jawapan yang disediakan.

...2/-

1. Haiwan Mollusca terdiri daripada beberapa Kelas dari segi pengelasan. Pilih dua Kelas daripadanya kemudian bezakan dan bandingkan daripada segi morfologi, organ-organ dalaman dan pembiakan. Bincangkan penyesuaian hidupnya.
(20 markah)
2. Bezakan dan bandingkan Physalia dan Aurelia daripada segi anatomi, morfologi dan pengelasan. Bincangkan tentang perhubungan di antara kedua-dua Genus tersebut.
(20 markah)
3. Terangkan tentang perubahan struktur dan morfologi di dalam golongan Porifera. Bincangkan tentang perhubungan filogeni di antaranya dan dengan Protozoa. Berikan contoh-contoh yang spesifik.
(20 markah)
4. Huraikan kitar hidup Trematoda. Bincangkan bagaimana ia menyesuaikan diri dengan hidup perumahannya di dalam suatu habitat.
(20 markah)
5. Pilih salah satu habitat akuatik di sekitar kampung anda. Sebutkan jenis organisma Protozoa yang hidup bebas yang mungkin boleh didapati di sana. Huraikan bagaimana ia menyesuaikan diri di habitat tersebut dengan contoh-contoh yang spesifik.
(20 markah)
6. Tulis nota tentang yang berikut:
 - (a) Kormidium
 - (b) Dioesius
 - (c) Metamorfosis

(d) Metamerisme

(e) Sistem vaskular air

(20 markah)

ooo0ooo

